

KARANGAN 15 (N LEVEL)

Sifat tidak berputus asa perlu ada dalam diri seseorang yang ingin mencapai impiannya. Bincangkan.

BAHAGIAN PENGENALAN

Suasana di dalam kilang itu dipenuhi dengan semangat keyakinan yang terpancar dari wajah pekerja-pekerja yang sedang bertugas. Mereka semua sedang berkumpul di satu sudut kilang itu sambil mengelilingi seorang ahli sains yang sedang tekun menjalankan kajiannya. Ahli sains itu merupakan seorang pencipta alat teknologi yang terkenal. Sudah banyak alat teknologi baru yang telah diciptanya untuk memudahkan kehidupan orang ramai. Akan tetapi, semua ciptaannya itu tidak setanding dengan ciptaan yang sedang diusahakannya pada ketika itu. Beliau sedang cuba mencipta bal lampu yang murah dan selamat. Beliau berharap ciptaan terbarunya itu, jika berhasil, akan dapat dikomersialkan dan digunakan oleh setiap penghuni rumah untuk menyinari rumah mereka pada waktu malam. Sudah hampir berdekad lama kajian terhadap bal lampu yang murah dan selamat dijalankan oleh ramai ahli sains lain. Walaupun telah ada orang yang menciptakan bal lampu sebelum ini, namun, ianya menggunakan bahan yang mahal dan keselamatannya tidak dapat dijamin untuk kegunaan umum. Ahli sains itu sempat melirik melihat timbunan bal-bal lampu yang hangus terbakar dalam kajiannya sebelum ini. Sudah hampir seribu kajian serupa yang pernah dijalankannya, tetapi tiada satu pun yang berjaya menghasilkan bal lampu yang diharapkannya. Beliau tidak pernah berputus asa. Beliau yakin bahawa satu hari nanti beliau akan berjaya menghasilkan bal lampu yang diidam-idamkannya. Setiap kegagalan yang dihadapi mendidiknya cara yang lebih baik untuk menghasilkan bal lampu baru. Matanya bersinar melihat bal lampu ciptaannya kali ini mula bersinar menerangi kilang itu. Mereka yang turut menyaksikan pemandangan itu berharap hasil kajian ahli sains itu akan berjaya kali ini. Begitulah gambaran saat ahli sains bernama Thomas Edison berjaya menghasilkan bal lampu untuk kegunaan umum. Sifat tidak berputus asa yang ada pada dirinya akhirnya membawanya kepada impiannya yang ingin dicapainya selama ini.

BAHAGIAN UTAMA

Impian hanya boleh dicapai jika seseorang tidak berputus asa

Sebab utama sekali sifat tidak berputus asa perlu ada dalam diri seseorang yang ingin mencapai impiannya adalah kerana impian hanya boleh dicapai jika